



KEMENTERIAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD

MENTERI WILAYAH

SEMPENA MAJLIS

JOM BERZAKAT BERSAMA YB MENTERI WILAYAH

4 OKTOBER 2018 (KHAMIS) | 3.30 PETANG

DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN WILAYAH

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

[Salutasi akan diselaraskan oleh penganjur]

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan ucapan syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Yang Maha Esa lagi Maha Kaya, yang tak pernah memerlukan bantuan dari sesiapa pun daripada makhluk-Nya. Allah-lah jua yang mengkhususkan sebahagian dari kita dengan lebih anugerah-Nya, melimpahkan atas kita nikmat kurnia-Nya, dan membuat mereka yang dikehendaki dilapangkan hidupnya. Di antara kita, ada pula yang menghadapi kegagalan dan mengalami kesulitan dalam rezekinya. Dengan hal itu, Allah SWT telah merukunkan zakat sebagai salah satu

asas agama-Nya iaitu Islam. Lalu dijelaskan oleh Allah SWT bahawa zakat seorang hamba dapat menyucikan dirinya. Maka, barang siapa yang telah dikurniakan kekayaan harta, hendaklah dia tak ragu-ragu mengeluarkan zakatnya.

2. Sesungguhnya Allah SWT telah menjadikan zakat sebagai salah satu bahagian yang amat penting dalam pembangunan Islam. Allah SWT menegaskan pembayaran zakat dengan Dalil yang mengaitkannya dengan solat, perkara terpenting dalam Islam melalui firmanNya:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ
تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

“Dan dirikanlah kamu akan Solat serta keluarkanlah Zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat”

(Surah An-Nur - ayat 56)

Selain itu, Rasulullah SAW telah bersabda, yang mafhumnya:

“Agama Islam ditegakkan atas lima perkara, iaitu mengucapkan dua kalimah syahadat, mendirikan Solat fardhu, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah (jika mampu), dan berpuasa pada bulan Ramadhan.” (al-Bukhari dan Muslim)

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia, antara fungsi utama Wilayah Persekutuan ialah menjaga kebajikan rakyatnya. Mekanisme pembayaran zakat adalah satu sistem yang ditetapkan dalam Islam yang mana zakat yang terkumpul kemudiannya diagihkan kepada asnaf berkeelayakan bagi tujuan pendidikan, kesihatan, bantuan sara hidup, perniagaan, pembangunan modal insan dan pembangunan ummah.

4. Sehubungan itu, Majlis hari ini diatur khusus untuk membangkitkan semula semangat 'peduli', prihatin dan tolong-menolong sesama kita. Hal ini boleh dibuktikan dengan menyumbang atau membayar zakat secara sistematik dan konsisten melalui potongan gaji. Justeru, jadikanlah Majlis ini sebagai wadah atau titik mula bagi menyeru dan menggalakkan warga Kementerian

Wilayah dan semua Agensi di bawahnya untuk membayar zakat secara istiqamah setiap bulan melalui perkhidmatan potongan gaji.

5. Saya difahamkan bahawa setakat hari ini 73 orang atau 22.7% daripada 322 jumlah warga Kementerian Wilayah yang beragama Islam telah membuat potongan gaji setiap bulan untuk membayar zakat. Oleh yang demikian, saya amat menyeru dan berharap supaya lebih ramai warga yang layak membayar zakat dapat berbuat demikian. Ini kerana pelaksanaan ini sekali gus dapat memberikan gambaran bahawa warga wilayah adalah warga prihatin.

6. Kadar zakat pendapatan hanya 2.5% setahun berbanding dengan cukai pendapatan sebanyak 5 hingga 25% bergantung kepada jumlah pendapatan tahunan. Kadar ini merupakan sebahagian kecil sahaja

dan akan ditolak cukai jika terlebih menjadi sedekah atau boleh dijadikan untuk menqadha' bayaran zakat yang tidak dibayar sebelum ini.

7. Dalam hal yang lain, Majlis hari ini juga dianjurkan khusus untuk warga Kementerian Wilayah bersama Agensi-Agensi di bawahnya yang diharap dapat dijadikan model atau ikutan oleh Kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan lain di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

8. Semestinya usaha berterusan perlu dilaksanakan dalam menggalak dan menerbitkan rasa tanggungjawab setiap warga Wilayah Persekutuan terhadap kepentingan zakat dalam pembangunan ummah. Biarlah kita bermula kecil-kecilan namun konsisten kerana usaha berterusan yang ikhlas pasti diberkati Allah SWT.

9. Dengan saranan sebentar tadi, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan semua Urus setia majlis yang telah bertungkus-lumus memastikan majlis ini dapat dijayakan dalam keadaan yang sempurna. Bersamasamalah kita doakan supaya usaha ini akan mendapat kemanisannya dan dirasai dalam sanubari setiap dari kita. Semoga setiap niat, jasa dan pelaksanaan akan diberkati Allah untuk kesejahteraan Ummah di dunia mahupun di akhirat hendaknya. Inshaa Allah.

10. Akhir kalam, saya sudahi dengan Wabillahittaufik wal Hidayah Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.